



GERAK GEMPUR GEOGRAFI TINGKATAN 2 2021
SMK CONVENT SENTUL, KUALA LUMPUR
MASA 1 JAM

NAMA MURID : _____

KELAS: _____

ARAHAN : Sila jawab **SEMUA** soalan


BAHAGIAN A.OBJEKTIF [20 Markah]

1. Manakah ciri iklim Malaysia?
 A. Min suhu tahunan tinggi iaitu 30°C
 B. Julat suhu tahunan besar
 C. Menerima hujan tahunan kira-kira 2600 mm
 D. Taburan hujan adalah sekata
2. Berdasarkan jadual berikut, julat suhu tahunan ialah

Bulan	J	F	M	A	M	J
Suhu (°C)	28	28	29	29	28	28
Bulan	J	O	S	O	N	D
Suhu (°C)	26	27	28	27	26	26

Jadual 1

- A. 2°C
 B. 3°C
 C. 4°C
 D. 5°C
3. Manakah benar tentang jenis hujan berikut ?



Rajah 1

- A. Permukaan bumi dipanaskan oleh pancaran matahari
 B. Berlaku di kawasan cerun bukit
 C. Hujan lebat turun pada waktu tengahari
 D. Kawasan lindungan hujan menerima hujan yang sedikit

4. Jenis angin yang dikaitkan dengan pernyataan berikut ialah


Udara bergerak dari laut yang bertekanan tinggi ke daratan yang bertekanan rendah.

- A. Bayu Laut
 - B. Bayu Darat
 - C. Angin Sumatera
 - D. Angin Monsun Timur Laut
5. Mengapakah nelayan di pantai timur Semenanjung Malaysia tidak dapat turun ke laut pada musim tengkujuh ?
- A. Berlaku kejadian pasang surut air laut
 - B. Berlaku tiupan angin kencang Monsun Barat Daya
 - C. Membaiki jala dan pukot yang rosak
 - D. Keadaan Laut China Selatan yang bergelora
6. Lebuhraya bertanda X ialah



Peta 1

- A. Lebuhraya Utara-Selatan
 - B. Lebuhraya Tun Razak
 - C. Lebuhraya Pan Borneo
 - D. Lebuhraya Timur-Barat
7. Stesen keretapi persimpangan antara pantai timur dengan pantai barat Semenanjung Malaysia ialah...
- A. Padang Besar
 - B. Tumpat
 - C. Gemas
 - D. Johor Bahru
8. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) terletak di kawasan bertanda...



Peta 2

9. Faktor yang membolehkan pembinaan laluan bawah tanah bagi projek pembinaan MRT ialah...
- A. Bentuk muka bumi
 - B. Kemajuan teknologi
 - C. Kewangan
 - D. Buruh asing
10. Bandar yang pesat membangun kesan pembinaan lebuh raya antara Kuala Lumpur dengan Seremban ialah...
- A. Ayer Keroh
 - B. Alor Gajah
 - C. Petaling Jaya
 - D. Bandar Baru Nilai
11. Persamaan antara telefon bimbit dengan telefon pintar ialah ...
- A. boleh melayari laman sesawang
 - B. boleh bermain permainan maya
 - C. aplikasi Instagram
 - D. merupakan telefon tanpa wayar
12. Fungsi utama sistem telekomunikasi berikut ialah...




Foto 1

- A. menguruskan urusan kewangan dengan lancar
 - B. menguruskan pentadbiran dengan sistematik
 - C. memudahkan data dan maklumat disimpan
 - D. menyaksikan siaran langsung dari luar negara
13. Perkembangan ICT telah mendorong penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang berpusat di...
- A. Cyberjaya
 - B. Putrajaya
 - C. Kuantan
 - D. Kuala Lumpur
14. Apakah kesan daripada era dunia tanpa sempadan?
- A. Pendapatan negara semakin meningkat
 - B. Perubahan cuaca dan iklim mudah dikesan
 - C. Maklumat dari seluruh dunia mudah diperolehi melalui internet
 - D. Penonton dapat menikmati siaran televisyen berdefinisi tinggi (HD)

15. Apakah jenis iklim yang dikaitkan dengan latitud berikut?

65°U hingga 90°U

- A. Iklim China
 - B. Iklim Tundra
 - C. Iklim Steppe
 - D. Iklim Khatulistiwa
16. Kawasan yang mengalami iklim Mediterranean bertanda...




Peta 3

17. Kegiatan manusia di iklim Gurun Panas ialah...
- A. memburu binatang seperti walrus
 - B. penanaman gandum dan kentang
 - C. penternakan lembu dan ayam
 - D. penanaman pokok kurma
18. Manakah merupakan keistimewaan kereta api Shinkanzen?
- A. Menepati masa
 - B. Banyak gerabak
 - C. Rekod kelajuan 800 km sejam
 - D. Jaringan landasan keretapi terbanyak di dunia
19. Pelabuhan yang menjalankan operasi pemunggahan kargo di tengah laut ialah...
- A. Pelabuhan Jawaharlal
 - B. Pelabuhan Hong Kong
 - C. Pelabuhan Tokyo
 - D. Pelabuhan Singapura
20. Kesan negatif perkembangan pelabuhan di Asia ialah...
- A. kemusnahan kawasan tadahan air
 - B. banjir di kawasan rendah
 - C. pencemaran air dan kepupusan hidupan akuatik
 - D. perubahan cuaca dan iklim

BAHAGIAN B. STRUKTUR [20 Markah]

Soalan 1 berdasarkan rajah berikut yang menunjukkan salah satu amalan pengangkutan lestari.



(a). Jelaskan amalan pengangkutan lestari dalam rajah

(2 Markah)

(b). Selain daripada amalan di 1 (a) di atas, berikan **dua** lagi amalan pengangkutan lestari.

i. _____

ii. _____

(2 Markah)

(c). Terangkan tentang kepentingan sistem pengangkutan lestari.

(6 Markah)

Soalan 2 berdasarkan foto berikut yang menunjukkan salah satu fenomena cuaca dan iklim.



(a). Namakan fenomena dalam foto tersebut

_____ (1 Markah)

(b). Nyatakan **tiga** punca fenomena tersebut

i. _____

iii. _____

iii. _____

(3 Markah)

(c). Berikan **tiga** kesan fenomena tersebut.

i. _____

ii. _____

iii. _____

(3 Markah)

(d). Cadangkan **tiga** langkah bagi mengurangkan fenomena tersebut.

i. _____

ii. _____

iii. _____

(3 Markah)

BAHAGIAN C.ESEI [20 Markah]

3 (a). Sebagai seorang pelajar, jelaskan kepentingan alat telekomunikasi berikut.



(5 Markah)

(b). Terangkan penggunaan alat telekomunikasi secara beretika.

(5 Markah)

- TAMAT -